



PEKELILING KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BILANGAN 1 TAHUN 2011

GARIS PANDUAN PELESENAN PENGUSAHASILAN DAN PEMPROSESAN KAYU KARAS/ GAHARU DI SEMENANJUNG MALAYSIA

TUJUAN

1. Pekeling ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan Kaedah Pelesenan Dan Pemantauan/ Kawalan Pengusahasilan Karas (*Aquilaria spp.*) bagi menyeragamkan proses pelesenan pengusahasilan dan pemprosesan kayu karas/ gaharu di Semenanjung Malaysia.

LATARBELAKANG

2. Pokok Karas atau *Aquilaria spp.* tergolong di bawah genera *Aquilaria* dalam famili Thymelaeaceae. Terdapat sebanyak 25 spesies *Aquilaria* di seluruh dunia dan boleh didapati di Bangladesh, Bhutan, India, Malaysia, Myanmar, Filipina dan Thailand. Di Semenanjung Malaysia, hanya terdapat 4 spesies iaitu *Aquilaria malaccensis*, *Aquilaria hirta*, *Aquilaria beccariana* dan *Aquilaria rostrata* yang tumbuh di kawasan tanah pamah hingga ke kawasan berketinggian 750 meter dari aras muka laut. Gaharu ialah nama perdagangan yang diberikan kepada teras kayu atau damar yang mempunyai bau wangi yang terbentuk akibat proses infeksi secara semulajadi atau buatan pada pokok Karas (*Aquilaria spp.*).

3. Perhatian dunia ke atas pemeliharaan dan status perdagangan spesies *Aquilaria spp.* mula diberi tumpuan setelah ianya dimasukkan ke dalam Appendix II, Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Flora and Fauna (CITES) pada 16 Februari 1995. Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan Jawatankuasa Kecil Penentuan Kaedah dan Pemantauan Pengusahasilan Karas. Jawatankuasa ini telah berjaya menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) bagi Kaedah Pelesenan Dan Pemantauan/ Kawalan Pengusahasilan Karas (*Aquilaria malaccensis*) sebagai panduan bagi memantau penebangan dan pengusahasilan spesies ini bagi memudahkan penyediaan laporan

maklumbalas berkala kepada pihak Sekretariat CITES. SOP tersebut telah dimaklumkan ke semua Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) pada awal tahun 2005 untuk dilaksanakan.

4. Pada tahun 2007, JPSM telah menggubal gred-gred gaharu iaitu dikenali sebagai Gred Gaharu JPSM untuk menyeragamkan taksiran percukaian dan penguatkuasaan gaharu di Semenanjung Malaysia dan telah memaklumkan penggunaan gred gaharu ini dalam Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Ke-27 pada 20-24 Ogos 2007 serta Persidangan Majlis Perhutanan Negara Ke-21 pada 18 September 2007. Pada 14 Februari 2008, Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam, 2008 (Akta 686) telah diwartakan dan berkuatkuasa sepenuhnya mulai 1 Julai 2010.

5. Sehubungan dengan itu, Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (KPPSM) ini disediakan bagi tujuan menyelaras dan memperkemaskan proses pelesenan pengusahasilan dan pemprosesan kayu karas/gaharu di Semenanjung Malaysia, bersesuaian dengan kehendak Akta Perhutanan Negara (APN), 1984 dan Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam, 2008.

TATACARA PELESENAN

Peleesenan Pengusahasilan Kayu Karas/Gaharu

6. Pemohon hendaklah terdiri dari warganegara Malaysia sahaja. Pemohon yang berminat untuk mengusahasikan kayu karas/ gaharu dikehendaki berdaftar dengan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) melengkapkan borang Pendaftaran Sebagai Kontraktor Bagi Mengerjakan Kayu Jaras, Kayu Api, Bakau dan Apa-Apa Hasil Hutan Kecil Lain seperti **Lampiran 1** dalam Kaedah-Kaedah Hutan (KKH) di negeri masing-masing dan boleh diperbaharui dari tahun ke tahun.

7. Kontraktor yang telah berdaftar dan ingin mengusahasikan kayu karas/gaharu perlu mengemukakan permohonan secara rasmi dengan melengkapkan Borang Permohonan Mengusahasil Kayu Karas/ Gaharu seperti di **Lampiran 2** serta pelan kawasan.

8. Permohonan yang telah diluluskan akan dilesenkan melalui Lesen (Borang 1, APN 1984) atau Lesen Kecil (Borang 3, APN 1984) bagi HSK/ TK dan Lesen Pemindah (Borang 5, APN 1984) bagi TM.

9. Pelesen di kawasan HSK/ TK hendaklah terlebih dahulu memastikan pokok yang mempunyai kandungan gaharu sahaja diusahasikan. Pokok-pokok

karas yang telah ditebang serta ditinggalkan akan dikenakan bayaran gantirugi. Bayaran gantirugi juga akan dikenakan ke atas kerosakkan pokok-pokok lain semasa pengusahasilan.

10. Syarat-syarat pelesenan mengusahasil kayu karas/ gaharu adalah seperti berikut :

- i. Wang Cagaran bagi HSK/ TK adalah RM10,000 manakala TM sebanyak RM100 sehektar atau RM1,000 mana yang lebih tinggi.
- ii. Had pengeluaran bagi HSK/ TK tidak melebihi 30 kg gaharu dan 180 kg kayu karas racik (*woodchip*) sehektar.
- iii. Bagi gaharu, kadar royalti yang dikenakan adalah secara *ad-valorem* berdasarkan kepada Gred Gaharu JPSM manakala bagi kayu karas royalti yang dikenakan adalah mengikut kadar yang ditetapkan dalam Jadual 2, KKH Negeri masing-masing.
- iv. Pelesen perlu menyediakan tempat pengumpulan yang lokasinya dipersetujui oleh Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) untuk tujuan taksiran royalti dan ses pembangunan hutan.
- v. Pelesen bertanggungjawab mengemukakan Laporan Bulanan Pengusahasilan Kayu Karas/ Gaharu seperti di **Lampiran 3** kepada Pegawai Hutan Daerah/ Jajahan (PHD/ PHJ).
- vi. PPN boleh membatalkan lesen, melucutkan hak wang cagaran dan menyenarai hitamkan pengusaha sekiranya terdapat kesalahan-kesalahan hutan sepetimana APN 1984.
- vii. Syarat-syarat tambahan bagi pelesenan pengusahasilan kayu karas/ gaharu dalam kawasan HSK adalah seperti berikut:-
 - a) Pengusahasilan kayu karas/ gaharu hanya dibenarkan di kawasan hutan pengeluaran dan tidak dibenarkan di kawasan perlindungan termasuk zon penampang sungai kecuali dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (PBN);
 - b) Membekalkan kepada JPN sebanyak sepuluh (10) anak pokok karas (ketinggian 0.3 meter ke atas) bagi setiap hektar sebelum pengusahasilan dibenarkan;
 - c) Pelesen mestilah warga negara Malaysia;
 - d) Hanya pokok karas berukuran perepang paras dada (1.3 m) 30 sm dan ke atas sahaja dibenar untuk diusahasilkan manakala pokok karas yang berukuran kurang daripada 30 sm adalah dilarang untuk diusahasilkan kecuali dengan kebenaran PPN;

- e) Penggunaan teknologi inokulasi atau kaedah-kaedah lain bagi penghasilan gaharu ke atas dirian pokok karas perlu mendapatkan kebenaran PPN;
- f) Pokok karas yang sedang berbunga dan berbuah adalah dilarang diusahasarkan;
- g) Pembinaan jalan hutan baru tidak dibenarkan;
- h) Penggunaan jentera sebagaimana diperuntukan dalam APN 1984, Seksyen 104 (e), Jadual Ke-6 adalah dilarang. Walau bagaimana pun penggunaan peralatan sebagaimana Bahagian B (Peralatan) dan Bahagian C (Alat Pengangkutan) dalam Akta yang sama perlu mendapat kebenaran PPN ; dan
- h) Setiap lesen yang diluluskan tidak boleh mengambil melebihi lima (5) orang Pengambil Gaharu.

11. Tatacara proses pelesenan pengusahasilan kayu karas/ gaharu di HSK/ TK / TM adalah seperti di Carta Aliran di **Lampiran 4**

Peleesenan Pemprosesan Kayu Karas/ Gaharu

12. Pemohon yang berminat untuk menempat/ membina/ mendiri/ menubuh/ mengendali/ menyelenggara aktiviti pemprosesan kayu karas/ gaharu dikehendaki mengemukakan permohonan kepada JPN menggunakan borang mengikut **Borang Jadual 1, Enakmen Industri Berasas Kayu (EIBK) Negeri** masing-masing seperti di **Lampiran 5** dan Borang Pendaftaran Pengilang Gaharu seperti di **Lampiran 6** dengan mematuhi semua syarat yang telah ditetapkan.

13. Pemohon dikehendaki mendapatkan lesen memproses kayu gaharu mengikut peruntukan di bawah EIBK. Penetapan dan penentuan penjenisan lesen industri berasaskan gaharu adalah bergantung kepada produk akhir sesuatu pemprosesan dalam industri berkenaan iaitu seperti berikut:-

- i. Lesen Loji Cebis Kayu - Serbuk Kayu/ Serpai,
- ii. Lesen Loji Tepung Kayu - Habuk Kayu, dan
- iii. Lesen Loji Penyulingan Kayu - Minyak Pati.

14. Syarat-syarat pelesenan pemprosesan kayu karas/ gaharu adalah seperti berikut :-

- i. Mengemukakan Penyata Pemprosesan Karas/ Gaharu yang menunjukkan jumlah kemasukan dan penjualan kayu gaharu/ serbuk/ minyak mengikut format di **Lampiran 7** kepada PHD/ PHJ;
- ii. Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) perlu menetapkan fee lesen, kadar bayaran mesin dan peralatan dan sejumlah Wang Cagaran bagi setiap lesen dan;
- iii. Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) boleh membatalkan lesen, melucutkan hak wang cagaran dan menyenarai hitamkan pelesen sekiranya melanggar syarat-syarat lesen sepetimana EIBK di negeri masing-masing.

15. Tatacara pelesenan pemprosesan kayu karas/ gaharu seperti di Carta Aliran di **Lampiran 8**

TATACARA KUTIPAN ROYALTI

16. Kayu karas adalah merupakan Kayu Keras Ringan (LHW). Kutipan royalti untuk kayu karas balak bulat adalah berdasarkan Kadar Royalti Jadual Kedua, KKH dan dikehendaki mengikut tatacara kutipan royalti sepetimana Bab. 14: Manual Perhutanan, Jilid 2.

17. Manakala kutipan royalti bagi gaharu dikehendaki mematuhi keseluruhan tatacara kutipan cukai mengikut turutan aktiviti seperti berikut:-

- i. Mendapatkan invois daripada pemandu lori atau pengendali alat pengangkutan dan memastikan ia bersamaan dengan invois yang diluluskan oleh PHD/ PHJ, melainkan diberi pengecualian;
- ii. Memastikan lesen pengusahaan masih berkuat kuasa dan tiada tahanan ke atas lesen tersebut;
- iii. Memastikan baki bayaran pendahuluan royalti dan ses pembangunan hutan masih mencukupi;
- iv. Mengcam, mengenalpasti dan mengklasifikasikan gred gaharu yang hendak ditaksir mengikut Gred Gaharu JPSM oleh sekurang-kurangnya berjawatan Pengawas Hutan dan ke atas yang telah diberi latihan pengecaman;

- v. Menimbang mengikut jenis gaharu berasaskan kepada unit ukuran kilogram seperti yang ditetapkan dalam Jadual Kedua KKH;
- vi. Melengkapkan Pas Pemindah dengan taksiran royalti dan ses mengikut gred gaharu serta menandatangani sepetimana contoh di **Lampiran 9**; dan
- vii. Menyerahkan Pas Pemindah kepada pengendali alat pengangutan.
18. Taksiran kadar royalti bagi kayu gaharu adalah mengikut **Gred Gaharu JPSM** yang berasaskan *ad valorem* dan kayu karas adalah mengikut **Jadual 2 KKH Negeri** masing-masing. Kadar royalti bagi gaharu adalah berdasarkan kepada Gred Gaharu JPSM seperti Jadual di bawah :



GRED	CIRI-CIRI					*HARGA PASARAN SEMASA (RM/Kg)	KADAR CUKAI YANG DISYORKAN (RM/ Kg)
	KEGUNAAN	WARNA	SAIZ/BENTUK	BAU (DIBAKAR)	TEBAL		
A SUPER 	<ul style="list-style-type: none"> Hiasan Arca 	<ul style="list-style-type: none"> Hitam Berkilat Kandungan Damar Tinggi (> 90%) 	<ul style="list-style-type: none"> Nilai Ekstatika Dalam Bentuk Bongkah Berat > 3 kg 	Sangat kuat	Sangat tebal	> 8,000	800
A 	<ul style="list-style-type: none"> Wangian (untuk dibakar) Aromaterapi 	<ul style="list-style-type: none"> Hitam Kandungan Damar (80 – 90%) 	<ul style="list-style-type: none"> Sederhana Berat (< 3 kg) Pelbagai saiz 	Kuat	Tebal	2,000 atau lebih	200
B 	<ul style="list-style-type: none"> Wangian (untuk dibakar) Aromaterapi 	<ul style="list-style-type: none"> Coklat Kandungan Damar (20 – 80 %) 	<ul style="list-style-type: none"> Pelbagai saiz 	Sederhana	Sederhana	300	30
C 	<ul style="list-style-type: none"> Minyak (diekstrak) 	<ul style="list-style-type: none"> Putih Kekuningan Kandungan Damar (< 20%) 	<ul style="list-style-type: none"> Racik Bongkah 	Kurang	Kurang	2	0.20

* Nota : Harga Merujuk Kajian Industri Gaharu Oleh JPSM Pada Tahun 2008

Jadual 1 : Gred Gaharu JPSM

PEMANTAUAN / KAWALAN

19. Pengawalan pelesenan pengusahasilan kayu karas/ gaharu dari kawasan HSK di seluruh Semenanjung Malaysia adalah melalui kuota yang diselaraskan dan ditetapkan oleh Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPPSM) dari semasa ke semasa. Penetapan kuota ini adalah berasaskan kepada maklumat bancian stok dirian *Aquilaria* spp. daripada analisa Inventori Hutan Nasional semasa.

PEMBATALAN

20. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia ini, Kaedah Pelesenan dan Pemantauan/Kawalan Pengusahasilan Karas (*Aquilaria* spp.) yang telah dikeluarkan pada 10 November 2004 melalui surat JH(S) 321.1 Jld. 8 (32) adalah dibatalkan.

TARIKH KUATKUASA DAN PEMAKAIAN

21. Pekeliling ini berkuatkuasa pada 15 Januari 2011 bagi semua negeri di Semenanjung Malaysia.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“SAYANGI HUTAN”



(DATO' RAZANI UJANG)
Ketua Pengarah Perhutanan
Semenanjung Malaysia.

Tarikh : 3 Januari 2011

SENARAI LAMPIRAN
**GARIS PANDUAN PELESENAK PENGUSAHASILAN DAN PEMPROSESAN KAYU KARAS/
GAHARU DI SEMENANJUNG MALAYSIA**

<u>BIL.</u>	<u>LAMPIRAN</u>	<u>PERKARA</u>
1.	LAMPIRAN 1	Borang Pendaftaran Sebagai Kontraktor Bagi Mengerjakan Kayu Jaras Kayu Api, Bakau Dan Apa-Apa Hasil Hutan Kecil Lain (Mengikut Kaedah - Kaedah Hutan Negeri Masing-masing)
2.	LAMPIRAN 2	Borang Permohonan Mengusahasil Kayu Karas/ Gaharu
3.	LAMPIRAN 3	Laporan Bulanan Pengusahasilan Kayu Karas/ Gaharu
4.	LAMPIRAN 4	Carta Aliran Proses Pelesenan Pengusahasilan Kayu Karas/ Gaharu Di HSK/ TK/ TM
5.	LAMPIRAN 5	Permohonan Bagi Lesen Untuk Menempatkan Tapak, Membina, Mendirikan, Menubuhkan, Mengendalikan dan/ atau Menyelenggara Industri Berasaskan Kayu
6.	LAMPIRAN 6	Borang Pendaftaran Pengilang Gaharu
7.	LAMPIRAN 7	Borang IX (a) Maklumat Kilang Pemprosesan Gaharu Borang IX (b) Jumlah Tenaga Pekerja Pada Akhir Bulan Januari/ April/ Julai/ Oktober Borang IX (c) Penyata Kemasukan Dan Memproses Kayu Karas/ Gaharu Dan Lain-Lain Produk Serta Pengeluaran Kayu Karas/Gaharu Borang IX (d) Import Kayu Karas Racik/ Gaharu/ Produk Gaharu Yang Diproses Dan Dijual Borang IX (e) Penyata Penjualan Kayu Karas Racik/ Gaharu/ Lain-Lain Produk Gaharu Dalam Pasaran Tempatan Dan Dieksport
8.	LAMPIRAN 8	Carta Aliran Proses Pelesenan Pemprosesan Kayu Karas/Gaharu
9.	LAMPIRAN 9	Contoh Pas Pemindah Bagi Hasil Gaharu

BORANG H

PENDAFTARAN SEBAGAI KONTRAKTOR BAGI MENGERJAKAN KAYU
JARAS, KAYU API, BAKAU DAN APA-APA HASIL HUTAN KECIL YANG LAIN

(Kaedah 29, Kaedah-kaedah Hutan Selangor 1988)

1. Nama : No. Kad Pengenalan :
2. Alamat Perniagaan :
.....
.....
3. Nama Syarikat/ Firma (jika ada) :
4. Nombor Pendaftaran Perniagaan dan Tarikh :
5. Nama-nama Pemegang Saham Utama Dalam Syarikat/ Perkongsi-pekongsi dalam Firma
.....
.....
.....

Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan diatas adalah betul sepanjang pengetahuan saya.

Tarikh :

.....
Tandatangan

.....
Nama

Borang ini diberi percuma dan hendaklah
diisi dalam satu (1) salinan



BORANG PERMOHONAN MENGUSAHASIL KAYU KARAS/ GAHARU

1. Nama :

Alamat :

2. Nama Syarikat (Jika Berkaitan) :

Alamat Perniagaan Berdaftar :

No. Pendaftaran Sebagai Kontraktor
Bagi Mengerjakan Kayu Jaras, Kayu
Api, Bakau dan Apa-Apa Hasil Hutan
Kecil yang Lain
(Sila Lampirkan Salinan Sijil)

3. Butiran Kawasan Usahasil:

(i) Status Tanah* : Hutan Simpanan Kekal/Tanah Kerajaan/Tanah Berimilik

(ii) Lokasi Tanaman* :

Hutan Simpan	Kompertmen	Blok
Tanah Kerajaan	Keluasan	
Tanah Berimilik (No. Lot/ Geran)		
Daerah	Mukim	Kampung

(iii) Luas (Ha) :

(Tandatangan)

Cop Syarikat :

(Nama)

(No. Kad Pengenalan)

(Tarikh)

***Pilih salah satu**

**Nota : Sila lampirkan salinan Pelan Kawasan (Skala 1:50,000) beserta Pelan Kunci.
Jika tiada, pelan lakar lokasi kawasan adalah diperlukan**

LAPORAN BULANAN PENGUSAHASILAN KAYU KARAS/ GAHARU
BAGI BULAN : _____

Maklumat Lesen

- i. Nombor Lesen : _____
- ii. Nama Pemegang Lesen : _____
- iii. Nama Kontraktor : _____
- iv. Kawasan Pengusahahsilan : _____
- v. Kompartmen : _____ Blok _____
- vi. Luas : _____
- vii. Tarikh Kuatkuasa Lesen : _____ hingga _____
- viii. Lokasi Pusat Pengumpulan : _____

Tarikh Tebangan/ Usahasil	Bilangan Pokok Yang Telah Ditebang	Jumlah Isipadu Pokok Ditebang (m ³)	Jumlah Kayu Racik (kg)	Jumlah Royalti/ Cukai Yang Telah Dibayar (RM) *		Nama dan Destinasi Penghantaran
				Pokok tebangan	Kayu Racik	

* Sila lampiran salinan resit bayaran royalti/ cukai bersama

Sila gunakan helaian yang berasingan sekiranya ruangan disediakan tidak mencukupi

Disediakan oleh :

Tandatangan : _____

Nama : _____

Tarikh : _____

Disemak dan disahkan oleh :


Tandatangan : _____

Nama : _____


Jawatan : _____

Tarikh : _____

LAMPIRAN 4



CARTA ALIRAN PROSES PELESENAN PENGUSAHASILAN KAYU KARAS/ GAHARU DI HSK/ TK / TM



Kos Projek (\$)

- (i) Tanah
- (ii) Bangunan
- (iii) Loji & Jentera
- (iv) Kelengkapan Lain
- (v) Modal Kerja

7. Senaraikan jenis-jenis keluaran-keluaran yang akan dihasilkan :

8. Butir-butir pekerjaan bagi Industri Berasaskan Kayu yang dicadangkan

- (i) Profesional
- (ii) Bukan Profesional
- (iii) Teknik dan Penyeliaan
- (iv) Perkeranian
- (v) Tenaga mahir
- (vi) Lain-lain

JUMLAH

9. Maklumat lain :

.....
.....
.....
.....

*10. Saya dengan ini mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut :-

- (i) Perakuan Pendaftaran Syarikat
- (ii) Hak milik Tanah/ Geran/ Lesen Penduduk
- (iii) Kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (jika berkenaan)

Tarikh :

Tandatangan Pemohon

Nama :
Jawatan :

JADUAL PERTAMA

**PERMOHONAN BAGI LESEN UNTUK MENEMPATKAN TAPAK,
MEMBINA, MENDIRIKAN, MENUBUHKAN, MENGENDALIKAN
DAN/ ATAU MENYELENGGARA INDUSTRI BERASASKAN KAYU**

(Kaedah 3 - Kaedah-Kaedah Industri Berasaskan Kayu 1986)

1. Nama Pemohon : No. K.P.P.N :

2. Alamat :
.....

3. Butir-butir Syarikat :
i. Nama Syarikat :

ii. Tarikh Diperbadankan :

iii. Alamat Pejabat Pendaftar :

iv. No. Telefon :

+4. Jenis Industri Berasaskan Kayu :

5. Tempat Kilang
i. Alamat :

ii. Luas Tanah :

iii. Status Tanah :

iv. Maklumat lain :

⁺ Masukkan jenis industri misalnya Kilang Papan, Kilang Papan Lapis,
Kilang Venir, Kilang Kerja Kayu,
Kilang Kayu Kumai, Kilang
Perabut. dsb.

Borang ini diberi percuma dan hendaklah diisi dalam satu salinan



BORANG PENDAFTARAN PENGILANG GAHARU

1. Nama : _____ No. Kad Pengenalan : _____
[salinan kad pengenalan hendaklah disertakan]
2. Alamat Perniagaan : _____
3. Nama Syarikat : _____
4. Alamat Perniagaan Berdaftar : _____
5. No. Telefon : _____
6. Nama Pengurus : _____
[salinan kad pengenalan hendaklah disertakan]
7. Nombor Perakuan Pendaftaran Perniagaan : _____
8. Tarikh Pendaftaran Syarikat : _____
9. Lokasi Kilang :
 - i. Alamat : _____
 - ii. Luas Tanah : _____
 - iii. Status Tanah : _____
 - iv. Maklumat Lain : _____
10. Modal (RM) :
 - i. Tanah : _____
 - ii. Bangunan : _____
 - iii. Mesin/peralatan : _____
 - iv. Lain-lain : _____

11. Mesin dan Peralatan

Jenis Peralatan	Bilangan	Kapasiti
i. Oil extracting equipments		
ii. Oil refinery equipments		
iii.		
iv.		
v.		
vi.		
vii.		
viii.		
ix.		
x.		

12. Maklumat Pekerja

Pekerja	Bumiputra	Bukan Bumiputra	Lain-lain
i. Profesional			
ii. Bukan Profesional			
iii. Teknik dan Penyeliaan			
iv. Pengkeraniaan			
v. Tenaga Mahir			
vi. Lain-lain			
Jumlah			

13. Bekalan Kayu Karas dan Pengeluaran Gaharu

- i. Bekalan kayu Karas (kg)/ bulan : _____
- ii. Pengeluaran Minyak Gaharu (ml) : _____

13. Saya dengan ini mengaku bahawa maklumat yang diberikan di atas adalah betul sepanjang pengetahuan saya.

(Tandatangan)

Cop Syarikat :

(Nama)

(No. Kad Pengenalan)

(Tarikh)

BORANG IX (a) MAKLUMAT KILANG PEMPROSESAN GAHARU

1. Nama dan alamat kilang : _____

2. Alamat surat menyurat : _____
 (jika berlainan dari atas) _____

3. Nombor Telefon : _____

4. Nombor Fax (jika ada) : _____

5. Laman Web (jika ada) : _____

6. Nombor Lesen : _____

7. Tarikh Kilang Ditubuhkan : _____

8. Tarikh kilang mula
beroperasi : _____

9. Bilangan kemalangan yang berlaku di kilang sepanjang tahun lepas

Bilangan kes dilaporkan	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Hilang upaya kekal			
Maut dilaporkan			

10. Pertubuhan yang sah
(sila pangkah " X " satu sahaja)

- i. Hak perseorangan
- ii. Perkongsian
- iii. Syarikat Sdn. Bhd.
- iv. Syarikat Awam Bhd./ Syarikat Bhd.
- v. Lain-lain :

11. Kepunyaan mengikut negara/ kaum

Warganegara Malaysia	Bumiputera	%
	Bukan Bumiputera	%
Bukan Warganegara	(Namakan)	%

12. Nilai harta-harta tetap pada akhir tahun lepas (iaitu 31.12.) atau akhir tahun kewangan yang lepas (iaitu)

13. Bilangan hari bekerja setahun : .

14. Bilangan jam bekerja sehari : ;

15. Giliran kerja purata sehari (No. of shifts) : _____

16. Bilangan dan jenis mesin-mesin yang digunakan :

16. Bilangan dan jenis mesin-mesin yang digunakan :

LAMPIRAN 7

Nama Kilang : _____
 Daerah : _____
 No. Lesen : _____

**BORANG IX (b) JUMLAH TENAGA PEKERJA PADA AKHIR BULAN
 JANUARI/ APRIL/ JULAI/ OKTOBER**

Kategori Pekerja		Warganegara Malaysia				Bukan Warganegara Malaysia	Jumlah Pekerja	Bayaran Gaji/ Upah			
		Bumiputera		Bukan Bumiputera				(RM/ sebulan)			
		(01)	(02)	(03)	(04)			(05)	(06)		
		L	P	L	P	L	P	L	P		
Pemilik-pemilik yang bekerja dan rakan-rakan yang aktif	1										
Pekerja-pekerja keluarga tidak bergaji	2										
Pekerja-pekerja mengurus dan profesional	3										
(a) Profesional											
(b) Bukan Profesional	4										
Pekerja-pekerja teknik dan penyeliaan	5										
Pekerja-pekerja kerani dan jurutaip	6										
Pekerja-pekerja Am	7										
Pekerja-pekerja kilang yang diambil secara langsung											
(a) Mahir	8										
(b) Kurang mahir	9										
Pekerja-pekerja kilang yang diambil melalui pemborong-pemborong buruh	10										
JUMLAH	11										

L : Lelaki

P : Perempuan

Nama Kilang :

Daerah :

Nombor Lesen :

Lokasi Pusat Pengumpulan :

BORANG IX (c) PENYATA KEMASUKAN DAN MEMPROSES KAYU KARAS/ GAHARU DAN LAIN-LAIN PRODUK SERTA PENGELUARAN KAYU KARAS/GAHARU

Bulan: _____

Butir-butir	Kayu Karas (m ³)	Kayu Karas Racik (kg)	Gaharu (kg)	Pati Minyak Gaharu (liter)	Lain-lain (nyatakan)
(01)	(0001)	(0002)	(0003)	(0004)	(0005)
Stok awal bulan	1				
Jumlah Kemasukan Stok Baru ke kilang	2				
Jumlah	3				
Jumlah Yang Diproses	4				
Jumlah Pengeluaran	5				

* Sila gunakan lampiran berlainan sekiranya ruangan yang disediakan tidak mencukupi.

Nama Kilang :

Daerah :

No. Lesen :

**BORANG IX (d) IMPORT KAYU KARAS RACIK/ GAHARU/ PRODUK GAHARU
YANG DIPROSES DAN DIJUAL BULAN : _____**

Jenis (01)	Isipadu Yang Diimport (02)	Jumlah Produk Import Yang Diproses (03)	Jumlah Produk Import Yang Dijual (04)	Negara yang Diimport * (05)
Kayu Karas	0001			
Kayu Karas Racik	0002			
Gaharu	0003			
Pati Minyak Gaharu	0004			
Lain-lain (nyatakan)	0005			

* Sila lampirkan salinan dokumen-dokumen import yang berkaitan

ma Kilang :

Daerah :


No. Lesen :

**BORANG IX (e) PENYATA PENJUALAN KAYU KARAS RACIK/ GAHARU/ LAIN-LAIN PRODUK
GAHARU DALAM PASARAN TEMPATAN DAN DIEKSPORT**
BULAN : _____

Butir-butir	Isipadu Jualan		Jumlah	Destinasi Eksport
	Pasaran Tempatan	Eksport		
(01)	(02)	(03)	(04)	(05)
Kayu Karas	(0001)			
Kayu Karas Racik	(0002)			
Gaharu	(0003)			
Pati Minyak Gaharu	(0004)			
Lain-lain (nyatakan)	(0005)			

* Sila lampirkan salinan dokumen-dokumen eksport yang berkaitan

CARTA ALIRAN PROSES PELESENAN PEMPROSESAN KAYU KARAS/ GAHARU



AKTA PERHUTANAN NEGARA 1984

BORANG 8

(Seksyen 70(2))

PAS PEMINDAHAN NO.....

PAS BAGI PEMINDAHAN HASIL HUTAN

Pas ini membenarkan Encik/Syarikat
 (K.P.P.N. No.....) yang beralamat di
 memindahkan hasil hutan yang diperihalkan
 di bawah ini yang telah diambil di bawah Lesen/Lesen Kecil/Permit Penggunaan*
 No..... dan dipunyai oleh

Jenis hasil	Bilangan atau kuantiti	Panjang (meter)	Garispusat Min (sentimeter)	Meter Padu		
				Isi Padu	Potongan bagi rongga, dll.	Isipadu yang kena dibayar royalti
Gaharu	Berat (kg)			Harga Pasaran (RM/kg)	Jumlah (RM)	Cukai (10%)
A Super	5	.	RM 8,000		RM 40,000	RM 4,000.00
A						
B						
C	200		RM 2.00		RM 400	RM 40.00
Jumlah						RM 4,040.00

Pendaftaran Alat Pengangkutan No.....

Destinasi.....

Tarikh.....

Masa.....

[Pind. Akta
A864].....
Pegawai Hutan Berkuasa

*Potong mana yang tidak berkenaan.

Pas ini hendaklah disimpan oleh pemandu kenderaan atau orang yang bertanggungjawab atas hasil hutan itu.